

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : MAJLIS MAKAN MALAM "SELERA PUTRI"
Lokasi : HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR
Tarikh : 25-02-1985

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh;

Yang Berhormat Dato' Dr. Sulaiman bin Haji Daud, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan Merangkap Ketua Pengakap Negara dan Datin Normah;

Yang Berhormat Dato' Abdullah bin Hj. Ahmad Badawi, Menteri Pelajaran dan Datin Endon;

Yang Amat Berhormat Datuk Harris bin Salleh, Ketua Menteri Sabah dan Datin Rubiah;

Yang Berbahagia Profesor Dr. Nayan bin Ariffin, Naib Canselor, Universiti Pertanian Malaysia dan Istri;

Dif-Dif Kehormat;

Tuan-Tuan dan Puan-Puan serta para pelajar sekalian;

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Jawatankuasa Majlis Makan Malam di atas perlantikan saya sebagai Penaung Majlis Makan Malam 'SELERA PUTRI' dan di atas undangan yang dimajukan untuk bersama-sama pada malam ini.

2. Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para dermawan yang budiman yang telah sudi dan bermurah hati memberi berbagai sokongan serta sumbangan kepada Kelab Pandu Putri Universiti Pertanian Malaysia bagi membolehkan Kelab ini melaksanakan aktiviti-aktivitinya.

3. Saya mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kelab Pandu Putri Universiti Pertanian Malaysia kerana telah mengambil inisiatif untuk mengadakan Majlis ini dan juga rancangan untuk mendaki Gunung Kinabalu pada 3 hingga 5hb. Mac, 1985. Saya mengucapkan syabas.

4. Usaha mendaki Gunung Kinabalu mempunyai kaitan dengan aktiviti-aktiviti kepanduan seperti 'orienteeing', 'tracking', dan berkhemah yang bertujuan untuk mengeratkan 'esprit-de-corp', kerjasama, harmoni dan perpaduan di kalangan ahli serta memperkayakan diri dengan kemahiran-kemahiran yang tinggi. Di samping itu juga pergerakan Pandu Putri bertujuan melahir dan melatih ahli-ahli dengan semangat yang tinggi dan berani dalam menghadapi cabaran. Untuk mendaki gunung yang tertinggi di Malaysia segala pelajaran dan pengalaman sebagai ahli Pandu Putri akan diuji bukan sahaja daripada segi kemampuan fizikal, tetapi juga daripada segi sosial, emosi dan saikologi.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

5. Semangat kembara perlu ditanam dan ditingkatkan terutama sekali di kalangan kanak-kanak sekolah dan pelajar-pelajar di institusi-institusi pengajian tinggi serta belia-belia kita. Dengan semangat kembara ini seseorang itu akan berani meneroka dan meluaskan pengalaman dan ilmu pengetahuan serta sanggup menghadapi cabaran-cabaran, serta tidak mudah putus asa.

6. Sebagaimana yang kita sedia maklum, negara kita kaya dengan alam semulajadi yang begitu menarik dan indah tetapi malangnya ianya tidak diberi perhatian malah diketepikan sahaja oleh masyarakat setempat. Masyarakat kita bersikap endah tak endah terhadap apa yang kita ada dan sebaliknya mudah mengagung-agungkan kecantikan pemandangan di negara lain. Saya percaya ramai di antara kita yang belum lagi tahu akan betapa banyaknya tempat-tempat menarik di negara kita yang perlu dijelajahi untuk dilihat keindahannya terutamanya di Pantai-Pantai Timur di Semenanjung, di Negeri Sabah dan Sarawak. Saya tidak pula mencadangkan agar kita semua di sini ikut mendaki Gunung Kinabalu, tetapi yang saya maksudkan ialah, terlalu banyak tempat yang menarik di tanahair yang boleh kita lawati dan nikmati keindahan semulajadinya.

7. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengingatkan para peserta rombongan agar berhati-hati dalam ekspedisi ke Gunung Kinabalu dan menjaga keselamatan bukan sahaja diri sendiri tetapi juga keselamatan rakan-rakan. Di samping itu perlulah juga dijaga kebersihan Gunung Kinabalu agar tidak tercemar supaya pendaki-pendaki lain dapat terus menikmati keindahan alam semulajadi di kemuncaknya.

8. Akhir kata saya mengucapkan syabas kepada peserta-peserta ekspedisi dan berharap bendera Pandu Putri akan dinaikkan dan dikibarkan di puncak Gunung Kinabalu sebagai lambang kegigihan, dedikasi, ketekunan dan disiplin Pandu Putri.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.